

NO. SOALAN: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu]

TARIKH : 1 April 2014 (Selasa)

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana dasar dan program transformasi yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan berhasil mencapai matlamat yang dikehendaki dan bagaimana pula tahap pemahaman dan penerimaan rakyat terhadapnya.

JAWAPAN: **YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM**

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan yang diPertua,

Agenda Transformasi Nasional bertujuan untuk meningkatkan gerakan usaha bersepadu bagi menjadikan malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan mengekal dan meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat berteraskan empat program utama iaitu Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Sosial dan Program Transformasi Politik serta termasuk yang paling terkini seperti yang diumumkan oleh YAB Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri sebentar tadi di Dewan ini iaitu Program Transformasi Fisikal. Pelaksanaan Agenda Transformasi Nasional ini pula diperkuuhkan dengan 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), 12 Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) dan 6 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dan banyak yang telah dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri tadi namun begitu, antara pencapaian Agenda Transformasi Nasional yang dapat dikongsi di Dewan Yang Mulia ini adalah:

- Peningkatan sistem penyampaian dan kecekapan di sektor perkhidmatan awam.
- Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita negara kita telah meningkat daripada AS\$7,059 pada tahun 2009 kepada **AS\$10,060** pada tahun 2013. Manakala sejak tahun 2009, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat secara purata sebanyak **5.7%** setahun. Purata pendapatan isi rumah juga telah meningkat sebanyak 24% daripada RM4,025 kepada RM5,000.
- Selain itu, negara kita telah berjaya menarik pelaburan swasta secara berterusan dalam tempoh tiga tahun yang lepas mencatatkan Kadar pertumbuhan pelaburan swasta (CAGR) sebanyak **tiga kali ganda** sejak ETP dilancarkan, iaitu peningkatan sebanyak **15.31 peratus** bagi tahun 2010 hingga 2013 berbanding dengan 4.7 peratus bagi tempoh 2008 hingga 2010. Ini menyaksikan pelaburan swasta berjaya melebihi sasaran awal sebanyak RM 148.4 billion dengan capaian sejumlah **RM161.12 billion** di mana mencatatkan lebihan sasaran sebanyak 8.6 peratus.
- Melalui program NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar, 4.5 juta penduduk luar bandar berjaya memperbaiki mutu kehidupan mereka melalui peningkatan akses kepada keperluan asas seperti bekalan elektrik 24 jam, air bersih, jalan berturap dan rumah berkualiti.
- Dalam bidang pendidikan pula, enrolmen prasekolah meningkat daripada 71.5 peratus kepada 81.7 peratus, di mana sebanyak 5,825 prasekolah baru and 2,525 pusat penjagaan kanak-kanak baru telah dibuka. Pada

tahun 2013, seramai 34,552 pelajar prasekolah daripada keluarga berpendapatan rendah telah menerima bantuan yuran daripada Kerajaan, berjumlah RM29.33 juta.

- , kemudahan memperolehi dokumen perjalanan (paspot) dan kad pengenalan dalam tempoh yang singkat yang sesungguhnya memudahkan rakyat di samping berlaku penjimatan.Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) mendapati kadar kemiskinan di Malaysia telah menyusut daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 1.7% pada tahun 2012 disumbangkan melalui program-program pembasmian kemiskinan dan initiatif peningkatan sumber pendapatan rakyat yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Berdasarkan maklumat daripada sistem eKasih, seramai 188,000 rakyat telah terkeluar daripada belenggu kemiskinan di akhir tahun 2013.

Kerajaan amat menyedari bahawa Agenda Transformasi Nasional ini tidak akan berjaya tanpa sokongan daripada semua pihak termasuk di kalangan pemimpin masyarakat, pihak swasta, NGO dan rakyat jelata. Justeru, usaha memupuk pemahaman di kalangan rakyat kepada Agenda Transformasi Nasional ini sentiasa digerakkan. Antara inisiatif yang dijalankan ialah Hari Terbuka di bandar besar dengan mengadakan pameran secara besar-besaran atau perbincangan secara berkelompok di peringkat negeri, sesi taklimat perkembangan ETP dua kali setahun, “townhalls” ataupun sesi perjumpaan, pengiklanan dalam media cetak dan elektronik, rancangan di radio BFM “Hear & Now” dan “Talkback Thursdays”, pengeluaran video, buku dan risalah, serta penggunaan media sosial seperti Twitter dan Facebook. Usaha-usaha ini dilakukan dengan harapan ianya dapat memastikan semua pihak lebih memahami program-program yang dijalankan. Sekian.